



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
PESTA SAN PEDRO 2022
TARIKH: 29 JUN 2022 (RABU), MASA: 9.00 MALAM
DI PERKAMPUNGAN PORTUGIS, UJONG PASIR, MELAKA
(WAKIL: YB DATUK ABDUL RAZAK BIN ABDUL RAHMAN)

Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

**YBrs. Puan Marina Linda Danker,
Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Komuniti
Kampung (JPKK) Perkampungan Portugis, Melaka;**

**YBrs. Encik Clarence Felix,
Pengerusi Penganjur Pesta San Pedro 2022;**

**YBrs. Encik Joseph Sta Maria,
Ketua Kampung David De Costa, Melaka ,**

Seterusnya, dif-dif jemputan, wakil-wakil media dan para hadirin yang dihormati sekalian.

1. Pertamanya, saya berasa gembira dan bersyukur kerana dapat bersama-sama dengan masyarakat Portugis pada petang ini demi memeriahkan sambutan Pesta San Pedro 2022 di Melaka.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mewakili YAB Datuk Seri Utama Hj Sulaiman bin Md Ali, Ketua Menteri Melaka, menzahirkan

ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada pihak penganjur Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung (JPKK) Perkampungan Portugis di atas kesudian mengundang saya mewakili YAB Ketua Menteri ke program ini.

3. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri, kerana tidak dapat bersama di majlis ini, disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, YAB Datuk Seri

Utama berharap agar program ini berjalan dengan lancar dan sempurna.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

PESTA SAN PEDRO 2022

4. Sebagaimana semua sedia maklum, **Pesta San Pedro** merupakan salah satu peninggalan Portugis di Melaka. Pesta San Pedro juga merupakan satu perayaan yang unik disambut oleh masyarakat Portugis di Melaka.

5. Menelusuri lembaran sejarah, Melaka pernah dijajah oleh Portugis pada tahun 1511 daripada Empayar Kesultanan Melaka. Saya difahamkan, mulai saat itu ramai orang Portugis tinggal dan menetap di Melaka dan kini digelar sebagai etnik *Eurasians*. Perayaan ini disambut meriah oleh masyarakat berketurunan Portugis di seluruh dunia terutamanya yang tinggal di Negeri Melaka.

6. Perayaan ini lazimnya disambut setiap tahun dan menggamit kehadiran pengunjung dengan pelbagai acara menarik. Antara aktiviti tersebut adalah

pertandingan perahu berhias, tarian tradisi, pesta makanan dan berbagai-bagai lagi aktiviti lain yang menarik.

7. Saya dimaklumkan, tarian yang ditarikan semasa perayaan San Pedro ini dinamakan sebagai Tarian Branyo. Tarian ini berasal secara tradisi dari Portugis dan telah diwarisi sejak zaman dahulu lagi. Tarian ini juga telah menjadi inspirasi kepada terciptanya satu tarian Melayu yang diberi nama Ronggeng atau Joget.

8. Perayaan San Pedro ini merupakan satu lagi keunikan budaya pelbagai kaum di Malaysia. Ia bukan sahaja diraikan dan disambut oleh masyarakat Portugis Melaka, malah turut mendapat perhatian semua kaum. Para pelancong dari luar negara juga begitu terpegun dan berasa seronok dapat meraikannya bersama, lebih-lebih lagi jika berkunjung ke Melaka semasa menyambut perayaan ini.

9. Justeru, Perayaan San Pedro ini merupakan satu lagi aset dan keunikan yang perlu dipelihara untuk diwarisi kepada generasi yang akan datang. Ia bukan sahaja diraikan oleh masyarakat Portugis Melaka malah turut mendapat perhatian semua kaum.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

10. Untuk makluman semua, dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri Melaka juga telah merancang untuk melaksanakan **61 acara pelancongan sepanjang tahun** dengan **12 daripadanya adalah acara**

pelancongan utama. Antara program utama yang terdekat adalah **Pesta Bunga Melaka 2022 pada 2-10 September, Karnival Udara Antarabangsa Melaka (KUAM) pada 24 - 25 September, *Melaka By The Sea Carnival* pada 29 – 30 Oktober, & *Melaka Fiesta* pada 31 Disember 2022.**

11. Saya yakin, semua acara pelancongan yang telah dirangka di bawah Bahagian Promosi Pelancong (BPP) ini akan menggamit para pelancong untuk sama-sama meraikannya di Melaka. Seajar dengan visi dan misi Kerajaan Negeri Melaka yang telah

digariskan di bawah Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ2035) di dalam Flagship ke-6 iaitu Melaka sebagai negeri pelancongan, saya percaya, usaha ini dapat memperkasa industri pelancongan sehingga menggamit dunia.

12. Saya berharap lebih banyak lagi acara-acara yang melibatkan kebudayaan diadakan di Negeri Melaka supaya warisan seni dan budaya ini terus diangkat dan diperkenalkan ke seantero dunia. Sebagai rakyat Negeri Melaka, kita perlu sentiasa berbangga dengan warisan tinggalan sejarah ini. Saya juga

berharap acara-acara ini terus diberi nafas baharu setiap tahun dan mencari kelainan supaya pengunjung tidak berasa jemu untuk berulang kali singgah di sini.

13. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada penganjur Pesta San Pedro 2022 di Perkampungan Portugis, serta semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung, dalam menjayakan program ini.

14. Akhir kata, saya mengucapkan selamat menyambut Pesta San Pedro kepada semua Jawatankuasa Pengurusan Komuniti Kampung (JPKK) Perkampungan Portugis, Melaka. Dengan sukacitanya, saya mewakili YAB Ketua Menteri Melaka merasmikan Pesta San Pedro 2022.

Sekian,

Terima kasih.